

UPM tidak wajar dikaitkan kegagalan sektor pertanian

SERDANG 6 Jan. — Universiti Putra Malaysia (UPM) tidak wajar dikaitkan dengan kegagalan pembangunan sektor pertanian seperti yang didehdakan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin, baru-baru ini.

Naib Canselor UPM yang baru, Prof. Dr. Nik Mustapha Raja Abdullah berkata, kegagalan itu adalah di luar bidang kuasa dan tanggungjawab institusi berkenaan.

Menurutnya, UPM hanya memainkan peranan untuk mengeluarkan sumber manusia yang berkualiti tinggi dan bukannya menyelar sistem dan dasar di bawah kementerian berkenaan.

"Keluh-kesah Tan Sri Muhyiddin itu merujuk kepada sistem penyampai-an bukannya bidang pendidikan dan sistem itu di luar kawalan UPM," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis pra-pelancaran Sambutan Jubli Intan UPM di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Muhyiddin baru-baru ini yang menga-



DR. NIK MUSTAPHA

kui sektor pertanian di negara ini masih gagal dibangunkan walaupun pelbagai perancangan dan program telah dilakukan.

Menurutnya, kegagalan itu bukan sahaja disebabkan kelemahan di peringkat kementerian, sebaliknya melibatkan beberapa agensi Pusat seperti Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Mengenai masa depan graduan dalam sektor pertanian, Nik Mustapha berkata, peluang untuk berja-

ya memang ada kerana sektor tersebut sangat luas dan terbuka.

Bagaimanapun, katanya, pada masa ini jika graduan mahukan jawatan dalam kerajaan, ia semakin sukar kerana semua jawatan sudah hampir dipenuhi.

Beliau berkata, pada tahun lepas, 75 peratus daripada graduan UPM telah berjaya mendapat pekerjaan khususnya dalam bidang pertanian manakala selebihnya telah melanjutkan pelajaran.

"Jika graduan dibekalkan dengan ilmu-ilmu keusahawanan, ditanam dengan sikap berani mengambil risiko untuk berdikari dan bermiaga sendiri, peluang memang luas bagi mereka dalam bidang pertanian," jelas beliau.

Nik Mustapha, yang di sahkan memegang jawatan Naib Canselor UPM sejak 1 Januari lalu turut berkata, beliau akan mengekalkan polisi dalam menguruskan institusi tersebut tetapi mengamalkan pendekatan berbeza.

Memandangkan sumber kewangan dari kerajaan

semakin berkurangan, beliau berkata, UPM akan berusaha untuk menjana sumber kewangan sendiri.

"Kini terdapat 18 buah institusi pengajian tinggi awam termasuk Universiti Darul Iman yang akan dibina di Terengganu dan lama-kelamaan sumber kewangan dari kerajaan akan berkurangan."

"Justeru, UPM akan mengamalkan polisi untuk mengurangkan perbelanjaan dan meningkatkan pengeluaran," kata-nya.

Beliau berkata, sehingga kini, terdapat 33 produk pertanian UPM telah dikomersialkan dan dia ngka dapat menyumbang kepada pendapatan institusi berkenaan.

"Pada masa ini, sumber kewangan yang diperoleh dari luar universiti adalah kira-kira 12 peratus saha ja dan selebihnya dari pi hak kerajaan.

"Kami menjangkakan menjelang tahun 2010, UPM akan menjana pendapatan sendiri sebanyak sekurang-kurangnya 20 peratus," kata Nik Mustapha.

UPM dirikan menara jam ulang tahun ke-75

SERDANG 6 Jan. — Universiti Putra Malaysia (UPM) akan mendirikan sebuah menara jam sempena menyambut ulang tahunnya yang ke-75 pada 23 Mei ini.

Menara jam yang dinamakan Warisan Budi Putra itu akan dibina setinggi 49 meter sebagai memperingati tahun pembukaan UPM yang dikenali sebagai Sekolah Pertanian pada waktu itu.

Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Nik Mustapha Raja Abdullah berkata, pembinaannya yang menelan belanja kira-kira RM1 juta itu akan menggunakan dana daripada sumbangan pelajar, kakitangan, pertubuhan alumni, badan-badan korporat serta orang ramai.

"Menara ini akan dibina setinggi

bangunan lapan tingkat dan dapat dilihat dari seluruh kampus.

"Ia akan dibina di kawasan lapang berselahan bangunan pentadbiran dan majlis pecah tanah akan disempurnakan oleh Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah," katanya pada sidang media selepas menghadiri majlis prapelancaran Sambutan Jubli Intan UPM di sini hari ini.

Nik Mustapha menambah, orang ramai boleh menyumbang dengan membeli jubin yang akan dipasang di menara jam tersebut dan nama penderma akan tertera pada setiap jubin yang dibeli.

Katanya, jubin bagi pelajar berharga RM75, kakitangan dan pertubuhan alumni (RM175) manakala badan korporat (RM1,075).

"Menara jam ini dijangka siap dalam jangka masa sembilan bulan dan ia akan menjadi simbol kepentingan masa di UPM," kata beliau.

Selain itu, UPM juga akan membina Muzium Konservatorium, sebuah muzium kehidupan yang akan menempatkan lebih 400 spesies tamanan.

"Muzium seluas dua hektar ini akan menempatkan pokok-pokok sakura dan pokok-pokok nadir (spesies tumbuhan terancam) yang bermotifkan ubat-ubatan dan wang-wangiwanian.

"Ia akan dilancarkan dalam masa terdekat dan dibuka kepada orang awam mulai 23 Mei ini," kata Nik Mustapha.